



# KOPI PAHIT

Halaman ini mengucapkan selamat berhari raya kepada sekalian Ikhwan Muslimin yang telah menunaikan kewajipan di dalam bulan puasa dengan berpuasa dengan tidak uzur. Kepada yang terus menerus makan siang malam dengan tidak berpuasa maka dukacita Selamat Hari Raya tidak diberi.

\* \* \*

Bulan puasa biasanya tangan orang murah, terutamanya dermawan-dermawannya – dan masa itu wajib zakat dikeluarkan. Dalam masa ini tentulah bertaburan pengemis-pengemis umum yang moden dan yang lama – ataupun sebenar-benarnya pengemis. Bagi sebenar-benarnya pengemis tentunya dapat sedikit dan bagi pengemis moden kerana kebijakannya mengambil peluang tentunya lumayan – apalagi kalau di dalam Ramadān diadakan syarahan-syarahan di sana sini. Malangnya orang-orang Islam telah penat jadi kalau ada syarahan lepas tarawih ataupun lepas subuh kurang sebutan sebab siang hari dalam masa berpuasa orang mesti pula bekerja mencari nafkahnya sendiri. Kalau begitu cara bersyarah di bulan Ramadān bukan masanya dan harus “beliau-beliau” mesti cari jalan lain.

\* \* \*

Tengku Abdul Rahman, tatkala membuka majlis peraduan Qur'an di ibu kota menyatakan bahawa hukum Allah tidak akan lapuk selagi di cakerawala ini. Benar Tengku! Ini benar! Mari kita beramal bersama-sama menegakkannya supaya hukum Tuhan itu berjalan dengan betulnya. Beramal lebih utama daripada kita membanyakkan kata-kata. Marilah beramal bersama-sama.

\* \* \*

Sebelas kali matahari sudah terbit selama awal tahun. Bung Karno selalu kata “sebelum matahari terbit tahun 1951, 52 dan terus kepada tahun 61” Irian mesti terserah kepada Indonesia tetapi Irian Barat belum juga terserah dan dalam masa itu beras naik sampai 180 rupiah sekilo. Keadaan begini gimana? Ya! Biarkan sahaja sama Bung Karno . . . orang-orang cerdik pandai Indonesia pun pakai biar. Dengan cara biar rakyatnya menderita! Sudah nasib bung!

\* \* \*

Seorang ustazah telah diberhentikan daripada sekolah agamanya kerana ia mengambil bahagian di dalam sandiwara. Langkah nazir sekolah agama ini tepat kerana kalau awak orang agama jalani lah cara agama tetapi kalau sasterawan silalah buat apa suka sebab sekarang orang tidak boleh menegah – sila pergi! Dalam masa muda mau suka-suка melintang lalu membujur patah tetapi kalau mau masuk kubur baharu mau ingat sembahyang dan ingat Tuhan! Apakah begini sifat orang Islam? Ini kan pula guru nanti semua murid-muridnya diajarnya bersandiwa dan seterusnya berasmara.

Di Selangor dan di Singapura, seorang suami tidak boleh menceraikan isterinya atau melafazkan talak selain daripada dengan persetujuan kadi dan disetujui oleh perempuan yang hendak diceraikan. Kononnya ini adalah bertujuan hendak mengurangkan perceraian tetapi orang ingin bertanya apakah ia tidak melanggar hukum syarak Islam? Bilangkan sahaja hukum Islam tidak dipakai lagi kan lebih baik –

Habis perkara *wa al-salām – min al-‘aydin al-fāizīn al-maqbūlīn..* Dari